

15 APR 1999

Moggie-Tenaga

STRATEGI TENAGA BARU DALAM RANCANGAN MALAYSIA KELAPAN

KUALA LUMPUR, 15 April (Bernama) -- Kerajaan sedang mengkaji semula strategi empat sumber bahan apinya dengan tujuan memasukkan sumber tenaga yang boleh diperbaharui sebagai bahan api kelima, kata Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia Datuk Leo Moggie hari ini.

Katanya strategi bahan api kelima baru itu akan dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kelapan yang akan menandakan langkah penting dalam pembangunan dasar tenaga negara yang berkekalan.

Tenaga solar dan hidro, angin dan biomass adalah sebahagian daripada sumber tenaga yang boleh diperbaharui yang boleh dimanfaatkan, kata Moggie.

"Tenaga yang diperbaharui kini semakin penting dan teknologi pembangunan dan penyelidikannya telah banyak berkembang sejak beberapa tahun lepas dan daya maju sesetengah daripada sumber tenaga yang diperbaharui ini sudah mula dilihat," katanya pada persidangan media semasa mengumumkan Kongres Tenaga Diperbaharui (WREC) '99 Malaysia Sedunia dari 8 hingga 11 Jun.

Katanya sumber tenaga yang diperbaharui adalah lebih bersih daripada sumber tenaga tradisional, memandangkan keprihatinan negara-negara di seluruh dunia mengenai persoalan alam sekitar.

Malaysia kini bergantung kepada empat sumber tenaga iaitu minyak, gas, kuasa hidro dan arang batu.

Mengenai WREC, Moggie berkata ini merupakan kongres pertama diadakan di luar Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD), dan di Asia.

Katanya, ia merupakan aktiviti Program Solar Sedunia 1996-2005 (WSP), satu inisiatif daripada Suruhanjaya Solar Sedunia (WSC) bertujuan untuk menggalakkan pembangunan, penerimaan dan penggunaan lebih luas sumber tenaga yang diperbaharui secara global.

Dijangka 500 peserta akan menghadiri kongres itu yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga anggota WSC.

Moggie berkata 8 Jun, 1999 juga akan dipilih sebagai "Hari Tenaga Diperbaharui" bagi Malaysia dan pelbagai program berkaitan turut dianjurkan sempena majlis perasmian kongres itu.

Ia termasuk pembukaan rasmi Pusat Tenaga Malaysia dan pelepasan Cabaran Berbasikal Solar Antarabangsa Malaysia bagi kawasan tengah oleh Dr Mahathir.

WREC '99 Malaysia dianjurkan bersama oleh sektor awam dan swasta, universiti tempatan dan pertubuhan bukan kerajaan.

-- BERNAMA

MAM RHM